



GENTING MALAYSIA BERHAD
(Reg. No. 198001004236)

PRESS RELEASE

For Immediate Release

Jom Raya Bersama Ejen Ali di Resorts World Genting

GENTING HIGHLANDS, 22 April 2022 – Mari raikan Hari Raya Aidilfitri di Resorts World Genting (RWG) bersama keluarga dan rakan-rakan anda. Pelbagai aktiviti menarik dan tawaran makanan yang lazat tersedia semasa musim perayaan ini dari 21 April hingga 8 Mei 2022. Ini termasuk penampilan istimewa oleh super ejen animasi tempatan popular – Ejen Ali.

Hiasan Hari Raya yang Meriah

Bersedia untuk menyambut kemeriahan Hari Raya di RWG dengan hiasan yang mengagumkan serta suasana sambutan Raya yang menakjubkan di seluruh Kimhua Atrium. Dengan rentetan lampu yang berkilauan dan ketupat moden sebagai hiasan gantung yang cantik, RWG menjanjikan tempat terbaik untuk bergambar kenangan yang sempurna sempena Raya kali ini.

Bertemu dan Bermesra dengan Ejen Ali dan Ejen Alicia

Peminat tegar super ejen animasi kegemaran tempatan – Ejen Ali dan Ejen Alicia akan berpeluang bertemu dan bermesra dengan mereka di Kimhua Atrium dari 29 April hingga 8 Mei 2022 dalam 5 sesi (11 pagi, 2 petang, 4 petang, 5 petang, 8 malam) setiap hari. Para tetamu juga boleh mendapatkan peluang bergambar secara eksklusif dengan Ejen Ali dan Ejen Alicia dengan pembelian minimum RM200 (dalam satu resit atau maksimum dua resit) di mana-mana kedai di SkyAvenue, Plaza First World, Awana SkyCentral dan kedai terpilih yang mengambil bahagian di RWG (tidak termasuk Genting Highlands Premium Outlets). Tetamu perlu mengemukakan bukti pembelian mereka di Kaunter Informasi yang terletak di Aras 1, SkyAvenue untuk menyertai acara ini dan hanya resit asal bertarikh hari yang sama akan diterima.

Misi: Ejen Hunt

Ejen-ejen telah tiba di RWG dari Meta Advance Tactical Agency (MATA), tetapi di manakah mereka bersembunyi? Sertai misi untuk mencari keempat-empat ejen dari MATA – Ali, Alicia, Iman dan Zass di sekitar SkyAvenue dari 21 April hingga 8 Mei 2022. Apabila anda menjumpai mereka, pastikan anda meniru gaya mereka dan ambil gambar! Selesaikan misi dengan berkongsi keempat-empat gambar di media sosial menggunakan tanda pagar #JomRayaBersamaEjenAli dan #ResortsWorldGenting dan tunjukkan di gerai penebusan di Kimhua Atrium untuk mendapat empat lencana butang Ejen Ali edisi terhad sebagai ganjaran. Ini adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat dan sah sementara stok masih ada. Jadi jangan lepaskan peluang ini untuk mendapatkan kenangan yang tidak dapat dilupakan!

Sambut Raya di Market.zip

Pastikan anda melawat Market.zip, sebuah pasar kreatif unik yang menawarkan pelbagai perniagaan tempatan di Arena Way dari 30 April hingga 8 Mei 2022. Para tetamu boleh membeli-belah dan melihat-lihat pelbagai gerai yang mempamerkan barang artisan tempatan seperti hiasan jubin buatan tangan, batu bumi semulajadi, penjagaan badan buatan sendiri dan banyak lagi.

Bazar Jom Raya

Bazar adalah suatu kemestian semasa musim perayaan ini dan tetamu boleh menikmati pilihan makanan yang lazat di Bazar Jom Raya RWG di Foyer Pavilion dari 30 April hingga 8 Mei 2022. Trak makanan dan gerai memenuhi selera yang berbeza dengan makanan dari kegemaran tempatan seperti sate, otak-otak, pastri dan makanan istimewa lain akan disediakan di bazar untuk memenuhi keinginan anda.

Lebih Banyak Pilihan Makan Lazat

Mereka yang meminati hidangan ala buffet berpeluang menikmati hidangan di Resorts World Awana yang menawarkan Bufet Jom Makan dari 21 April hingga 1 Mei 2022 (tersedia dari jam 6.30 petang hingga 9.30 malam) berharga RM118 untuk dewasa dan RM70 untuk kanak-kanak. Pasukan kulinari di Resorts World Awana telah menyusun dengan teliti hidangan kegemaran tempatan sepanjang masa dalam buffet ini seperti kambing bakar, sup anika dan rendang tok untuk makan malam yang memuaskan.

Sambutlah kemeriahan perayaan di Resorts World Awana pada 3 dan 4 Mei 2022 ini dengan buffet Hari Raya istimewa yang menyajikan pelbagai makanan tempatan seperti ketupat, lemang, rendang tok, kuih raya dan banyak lagi. Anda boleh menikmati juadah Raya kegemaran anda pada harga RM60 dewasa dan RM30 kanak-kanak (dari jam 12 tengah hari hingga 2.30 petang); dan RM80 dewasa dan RM40 kanak-kanak (dari jam 6.30 petang hingga 9.30 malam).

Jamuan Gastronomi

Untuk berbuka puasa bersama keluarga dan rakan-rakan, tetamu boleh memilih hidangan Ramadan “Setalam Selera”, yang direka khas oleh cef berbakat RWG. Dari hanya RM58 setiap set, hidangan untuk dua orang ini dilengkapi dengan nasi dan sehingga 10 hidangan lazat termasuk ayam bakar, ikan tenggiri berlada, buah-buahan, kuih-muih tradisional dan banyak lagi. Manjakan diri dengan hidangan gastronomi ini di Medan Selera di SkyAvenue dari sekarang hingga 2 Mei 2022 (tersedia dari jam 5.30 petang hingga 8.30 malam).

Jom Makan Street Food di SkyAvenue juga menawarkan set hidangan eksklusif Ramadan yang merangkumi satu hidangan utama, satu minuman dan satu pencuci mulut dengan harga hanya RM30 dari sekarang hingga 2 Mei 2022 (tersedia dari jam 12 tengah hari hingga 9 malam, pesanan terakhir pada jam 8.30 malam).

Datanglah ke Medan Selera dan pilih dari pelbagai hidangan dan juadah tempatan yang popular untuk menikmati Raya ini, sesuai untuk kumpulan yang mempunyai selera berbeza. Dengan perbelanjaan minimum RM30 dalam satu resit dari 5 hingga 15 Mei 2022 (tersedia dari jam 11 pagi hingga 9 malam), anda boleh mendapatkan satu minuman pic mangga Sjora percuma, menjadikannya tambahan yang sempurna untuk melengkapkan hidangan anda.

Dengan semua aktiviti menarik dan tawaran menarik ini tersedia, Jom Raya di Resorts World Genting!

Untuk maklumat terkini di RWG, sila layari laman web kami - www.rwggenting.com dan platform media sosial rasmi untuk maklumat lanjut.

- TAMAT -

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Corporate Communications & Public Relations
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Ms Lorehta Doreen A/P Sritheran

Executive
Corporate Communications & Public Relations
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9609
Email: lorehtadoreen.sritheran@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia Berhad (GENM) adalah salah sebuah syarikat utama dalam bidang riadah dan perhotelan di dunia. Tersenarai di Bursa Malaysia, GENM memiliki dan mengendalikan pusat peranginan utama termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City dan Resorts World Catskills (yang dimiliki 49% melalui sebuah syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat (US), Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih daripada 30 buah kasino di United Kingdom (UK) dan Crockfords Cairo di Mesir.

Dengan anggaran 10,500 bilik daripada tujuh buah hotel yang berbeza, RWG adalah destinasi peranginan berintegrasi terulung di Malaysia. Pusat peranginan ini juga menampilkan pelbagai kemudahan riadah dan hiburan, termasuk perjudian, taman tema dan hiburan, kedai makanan dan peruncitan, dan juga kemudahan untuk persembahan antarabangsa dan persidangan perdagangan. Genting Highlands Premium Outlets (kerjasama di antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) yang terletak di pertengahan bukit dan Genting SkyWorlds, taman tema kelas pertama bertaraf antarabangsa, melengkapkan tawaran premium RWG yang luas dan mengukuhkan kedudukannya sebagai penyedia utama riadah dan hiburan di rantau ini.

GENM merupakan ahli Kumpulan Genting, salah sebuah syarikat multinasional utama yang mempunyai pengurusan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan berwawasan yang telah mengukuhkan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor riadah dan perhotelan di Malaysia, Singapura, Filipina, Amerika Syarikat, Bahamas dan United Kingdom. Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang strategik di dalam industri global yang lain termasuk ladang kelapa sawit, pembangunan hartanah, penjanaan kuasa, minyak dan gas, dan bioteknologi.

Mengenai EJEN ALI

EJEN ALI mengisahkan mengenai seorang budak lelaki bernama Ali yang secara tidak sengaja terlibat dengan alat perisik, Infinity Retinal Intelligence System (IRIS), milik agensi pengintipan, Meta Advance Tactical Agency (MATA). Akibat mengetahui terlalu banyak akan rahsia MATA, Ali direkrut sebagai ejen rahsia. Siri animasi EJEN ALI mula disiarkan di TV3 pada tahun 2016 dan sepanjang siarannya ke udara, siri ini juga turut disiarkan di lebih 50 negara di Asia Tenggara, Timur Tengah, Afrika Utara, benua India dan Amerika Utara. Siri animasi dan filem ini juga kini tersedia di platform on-demand Disney+ Hotstar dan Netflix.

Populariti siri EJEN ALI ini juga telah menyakinkan pihak produksi menghasilkan tiga permainan bagi alatan mudah alih yang yang telah meraih lebih dari 3.7 juta muat turun sehingga kini menerusi aplikasi di Apple App Store dan Google Play Store. Kejayaan siri ini seterusnya direalisasikan oleh kutipan box-office melalui filem EJEN ALI THE MOVIE yang dilancarkan pada Disember 2019, telah meraih kutipan pecah panggung sebanyak RM30 juta (USD8 juta) di layar perak dan platform on-demand di Malaysia, Singapura, Brunei dan Indonesia, menjadikannya filem animasi terlaris di Malaysia. Musim ketiga siri televisyen EJEN ALI akan mula bersiaran di Disney+ Hotstar pada tahun ini.

Untuk maklumat lanjut tentang EJEN ALI, ikuti :

- YouTube : www.youtube.com/ejenali
- Facebook : www.facebook.com/ejenali
- Instagram : www.instagram.com/ejen_ali
- Twitter : www.twitter.com/ejen_ali

#EjenAliTheMovie #EjenAli #KitaJagaKita #AniMY